

09/07/2001

Gajah Emas sanggah kenyataan Kok Chi

Halmi Samad

PENGELUAR bola takraw jenama tempatan, Gajah Emas menafikan kenyataan Setiausaha Majlis Olimpik Malaysia (MOM), Datuk Sieh Kok Chi, kononnya bolanya hanya digunakan di kejohanan kebangsaan di negara ini.

Untuk membuktikan fakta, Gajatakraw Industries Sdn Bhd, berkata Gajah Emas paling terbaru dijadikan bola rasmi di Temasya Sukan Arafura di Darwin membabitkan lima negara - Malaysia, Singapura, Vietnam, Jepun dan Australia.

Pengarah Gajatakraw Industries Sdn Bhd, Kevin Lim, berkata Gajah Emas turut menjadi bola rasmi Arafura pada 1993, 1997, 1999 dan 2001.

Kali terakhir Thailand menyertai Temasya Arafura ialah pada 1999. Gajah Emas turut mendapat status yang sama di Kejohanan Sepaktakraw Dunia pada 1985, 1986, 1988, 1990, 1993 dan 2000.

Paling terbaru ialah di Kuantan, Pahang, tahun lalu.

"Gajah Emas turut dipilih bola rasmi Kejohanan Sekolah Asean di Brunei tahun lalu dan di Langkawi, tahun ini. Jadi, kenapa sekarang Kok Chi kata dia dapat senarai kononnya Gajah Emas hanya digunakan di kejohanan tempatan.

"Nampaknya, seolah-olah ada orang menghantar senarai palsu kepada MOM, ataupun Sekretariat Sukan Sea XXI tidak peka kredibiliti Gajah Emas selama ini," katanya semalam.

Isu berkenaan hangat apabila Persekutuan Sepak Takraw Antarabangsa (Istaf) memaklumkan kepada MOM bahawa jenama Thailand, Marathon digunakan sebagai bola rasmi sepak takraw di Sukan Sea, nanti.

MOM dilaporkan sebagai berkata pihaknya terpaksa akur kepada arahan badan induk antarabangsa itu kerana ia berkuasa dari segi aspek teknikal.

Gajah Emas menyifatkan tindakan MOM bertentangan aspirasi 'Malaysia Boleh' dan merumuskan senario berkenaan menentang arus pemikiran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Kevin turut mempersoal kenyataan Kok Chi kononnya tawaran dikemuka Gajatakraw Industries Sdn Bhd, lewat dihantar kepada urusetia dan kurang menarik berbanding Marathon.

"Kami menghantar tender menerusi Persatuan Sepak Takraw Malaysia (PSM) pada 28 Februari. Saya difahamkan PSM selepas itu menghantar dengan tangan, tender berkenaan kepada Sekretariat Sukan Sea XXI.

"Ketika menghantar tender itu, kami difahamkan Gajatakraw Industries Sdn Bhd, paling awal berbuat demikian. Jadi, saya tidak faham kenapa timbul soal lewat," katanya.

Difahamkan sumber tertentu, Marathon Thailand Co Ltd, pengeluar bola jenama Marathon, hanya menghantar tender kepada Sekretariat, beberapa bulan selepas Gajatakraw Industries Sdn Bhd. Keputusan mengenai pemilihan bola rasmi sepak takraw diputuskan pada 8 Jun lalu.

"Jadi, sudah tentu, Marathon Thailand Co Ltd, ada kelebihan sekurang-kurangnya tahu jumlah tender dikemuka Gajatakraw Industries Sdn Bhd. Disebabkan itu, mereka berpeluang tambah jumlah keseluruhan tender," kata sumber itu.

(END)